

sains

# KERATAN AKHBAR

## 9 & 10 OKTOBER 2023

NEW  
**Straits Times**

The people's paper  
**Star Kosmo!**

Penerbit fikiran rakyat  
**Utusan MALAYSIA**

Harian  
**Metro**

surau tak na kawanan janda  
**Sinar harian**

**BERITA HARIAN**

astro  
AWANI

terkini untuk anda  
**malaysiakini**

NOGORI KITO

BERNAMA

facebook

MEDIA  
RANIA  
SIN CHEW DAILY

THE EDGE  
MARKETS  
MAKE BETTER DECISIONS

THE  
**Sun**

FMT  
news  
FREE AND INDEPENDENT

星洲日報  
南洋商報  
NANYANG SIANG PAU

中國報  
CHINA PRESS

malaymail  
since 1988

# Gangguan bekalan air berjadual di Petaling, KL, Hulu Langat mulai esok

9 OKTOBER 2023  
ISNIN



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Sebanyak 338 kawasan di Petaling, Kuala Lumpur dan Hulu Langat dijangka mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula jam 9 pagi esok.

SAMBUNGAN

"Bekalan air juga dijangka akan mula disalurkan kepada pengguna secara berperingkat selepas kerja penambahbaikan dan penyenggaraan siap dan seterusnya apabila sistem agihan utama bekalan air sudah distabilkan," kata syarikat itu dalam kenyataan hari ini.

Sebanyak 37 kawasan terjejas di Petaling, Kuala Lumpur (201) dan Hulu Langat (100).

Air Selangor juga memaklumkan, lori tangki air akan digerakkan ke kawasan terjejas dengan memberikan keutamaan kepada premis yang kritikal.

Syarikat itu juga menasihatkan pelanggan yang terjejas supaya menyimpan bekalan air secukupnya dan menggunakan air secara berhemah sepanjang tempoh gangguan bekalan air berjadual ini.

"Bagi pelanggan komersial pula, bekalan air terawat boleh dibeli di kaunter khidmat pelanggan di seluruh wilayah Air Selangor.

"Bagi tujuan ini, pelanggan komersial boleh menggunakan lori tangki air masing-masing di dua stesen pengisian air yang akan dibuka di Sunway Batu Caves dan Selayang Mutiara," katanya.

Turut dimaklumkan, tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan air di kawasan yang terjejas adalah berbeza bergantung kepada jarak lokasi premis pengguna dan tekanan pada sistem agihan bekalan air.

"Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat berhubung gangguan bekalan air berjadual ini dari semasa ke semasa menerusi saluran komunikasi rasmi seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan Twitter atau hubungi Air Selangor di talian 15300.

"Sebarang pertanyaan dan aduan boleh diajukan di Help Centre di laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan aplikasi Air Selangor," katanya.

SAMBUNGAN

# Tiga loji rawatan air ditutup sementara kerana pencemaran bau di Sungai Selangor

10 OKTOBER 2023  
SELASA



Foto hiasan

KUALA SELANGOR: Tiga Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor iaitu SSP1, SSP2 dan SSP3 terpaksa dihenti tugas ekoran insiden pencemaran bau yang dikesan di Sungai Selangor.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerusi kenyataan di laman Facebook memaklumkan, pihaknya bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenal pasti punca pencemaran air mentah di sepanjang kawasan sungai itu.

"Senarai kawasan-kawasan yang dijangka akan terkesan akan dimaklumkan kelak.

"Air Selangor sedang mengambil segala usaha bagi meminimakan impak gangguan kepada para pengguna yang terjejas," katanya, hari ini.

SAMBUNGAN

## Gangguan bekalan air sekitar Lembah Klang akibat pencemaran bau di Sungai Selangor

10 OKTOBER 2023  
SELASA




Foto fail NSTP

KUALA SELANGOR: Insiden pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor awal pagi tadi, menyebabkan gangguan bekalan air dan tekanan air rendah di sebahagian kawasan di Klang, Shah Alam, Petaling, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berkata, sehingga jam 4 pagi tadi, keempat-empat LRA iaitu SSP1, SSP2, SSP 3 dan LRA Rantau Panjang sudah mula beroperasi.

SAMBUNGAN

"Senarai kawasan sedang dikemaskini dan akan dimaklumkan dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Air Selangor berkata, bantuan alternatif melalui lori tangki digerakkan kepada para pengguna dengan keutamaan diberikan kepada premis-premis kritikal.

"Kita sedang mengambil segala usaha bagi meminimakan impak gangguan kepada para pengguna yang terjejas.

"Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dengan insiden ini dari semasa ke semasa menerusi semua medium khususnya media massa," katanya.

Pengguna boleh mendapatkan maklumat menerusi saluran komunikasi rasmi Air Selangor seperti aplikasi Air Selangor, Facebook, Instagram dan X atau menghubungi talian 15300.

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh diajukan di "Help Centre" di laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) atau aplikasi Air Selangor.

## 'Bau diesel disyaki punca gangguan operasi loji air di Sungai Selangor'

10 OKTOBER 2023  
SELASA



Foto Hiasan

KUALA SELANGOR: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesan bau seakan diesel, yang disyaki menyebabkan pencemaran sehingga menyebabkan berlaku henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor, di sini, awal pagi ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin, berkata LUAS menerima maklumat daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) jam 11.15 malam tadi.

"Bau sehingga bacaan 3 ton dikesan di muka sauk LRA Rantau Panjang.

"Pemantauan statik LUAS di Sungai Sembah dan Sungai Selangor sebelum itu (jam 11 malam) menunjukkan bacaan 0 ton," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.